GR Plantation Sdn Bhd lwn Agensi KB Commodity Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (TEMERLOH) — PENGGULUNGAN SYARIKAT NO 28–03 TAHUN 2009
ABDUL KARIM PK
12 MEI 2014

Syarikat dan Perbadanan — Perintah penggulungan syarikat — Permohonan untuk mengenepikan — Prosiding penggulungan — Sama ada melanggari prosedur ditetapkan undang-undang dan kaedah-kaedah — Sama ada permohonan mengenepikan dibuat dalam jangka masa yang terlalu lama — Sama ada tidak perlu dipertimbangkan — Sama ada hanya syarikat melalui pelikuidator boleh memohon untuk mengenepikan perintah penggulungan — Sama ada pempetisyen gagal mengiklankan petisyen sekurang-kurangnya dua kali dalam dua surat khabar tempatan — Sama ada afidavit menentusahkan petisyen diikrarkan sebelum petisyen diserahkan kepada mahkamah — Sama ada afidavit tidak difailkan dalam tempoh masa empat hari selepas petisyen diserahkan kepada mahkamah — Sama ada afidavit penyampaian petisyen ke atas responden terbatal akibat tidak mematuhi k 25(1) — Sama ada ketidakpatuhan bersifat teknikal — Sama ada tidak mengakibatkan apa-apa ketidakadilan kepada responden — Sama ada boleh dipulihkan di bawah k 194(1) — Akta Syarikat 1965, ss 236(2) & 243 — Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 kk 24(a), 25, 26 & 194(1)

Responden memohon supaya perintah penggulungan syarikat diketepikan *ex debito justitiae* atas alasan bahawa prosiding penggulungan tersebut telah melanggari prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang dan kaedah-kaedah, kertas mahkamah 162 (KM 162). Perintah penggulungan syarikat responden telah di buat oleh mahkamah melalui satu perintah bertarikh 4 Jun 2010. Responden telah merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap perintah penggulungan tersebut tetapi telah menarik balik rayuan tersebut. Melalui permohonan kandungan mahkamah 72 (KM 72) yang difailkan oleh Agensi KB Edible Oil Sdn Bhd, (Edible Oil) sebagai 'contributory/shareholder' responden memohon dibawah s 243 Akta Syarikat 1965 ('Akta') untuk satu perintah bahawa perintah penggulungan itu digantung secara kekal atau secara alternatif perintah penggulungan itu diketepikan *ex debito justiae*. Pemohon KM 72 tersebut telah ditolak oleh mahkamah ini dan Mahkamah Rayuan. Selepas 3 1/2 tahun pemfailan KM 72, Low Kim Fat, pengarah syarikat responden, memfailkan permohonan KM 162 bagi mengentepikan perintah penggulungan atas alasan yang sama dengan permohonan KM 72 tersebut iaitu perintah penggulungan adalah tak sah kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak peruntukan Akta. Di dalam tindakan ini responden menghujahkan bahawa sifat permohonan KM 72

adalah berlainan iaitu penggantungan perintah penggulungan dibawah s 243 Akta Syarikat dan relief alternatif yang dipohon dalam KM 72 iaitu perintah penggulungan diketepikan *ex debito justitiae* tidak boleh dibuat kerana Edible Oil tidak mempunyai locus standi untuk memohon relief tersebut, sebaliknya hanya responden sahaja mempunyai locus standi. Menyentuh tentang merit permohonan KM 162, responden membangkitkan isu-isu seperti berikut: (i) bahawa pempetisyen telah gagal mengiklankan petisyen sekurang-kurangnya dua kali dalam dua surat khabar tempatan sebagaimana yang diperlukan di bawah k 24(a) Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 (Kaedah-Kaedah 1972); (ii) bahawa afidavit menentusahkan petisyen telah diikrarkan sebelum petisyen diserahkan kepada mahkamah dan juga afidavit tidak difailkan dalam tempoh masa empat hari selepas petisyen diserahkan kepada mahkamah, bertentangan dengan kehendak k 26 Kaedah-Kaedah 1972; dan (iii) bahawa afidavit penyampaian petisyen ke atas responden tidak mematuhi k 25(1) dan Borang 5 Kaedah-Kaedah 1972 kerana tidak menyatakan dalam afidavit nama dan deskripsi pegawai atau majikan responden yang telah diserahkan penyerahan petisyen atas responden.

Diputuskan, menolak permohonan pengenepian perintah penggulungan dengan kos:

(1) Responden telah tidak mengambil apa-apa tindakan pada masa itu tentang apa-apa ketidaksekataan yang dibangkitkan sebagaimana yang dibangkitkan dalam permohonan KM 162 ini. Walaupun pihak yang membuat permohonan berbeza tetapi perkara dan alasan permohonan adalah serupa. Maka responden mahupun Low Kim Fat dihalang daripada membangkitkan isu yang sama. Memandangkan responden telah selepas sekian lama berdiam diri maka dengan ini telah 'waive or acquiesce' daripada membangkitkan perkara ketidaksekataan prosedur dalam prosiding penggulungan itu (lihat perenggan 6).

(2) Pada masa perintah penggulungan dibuat Low Kim Fat adalah pengarah responden dan dia telah memfailkan penyata hal ehwal syarikat ('statement of affairs') pada Pegawai Penerima Malaysia ('Official Receiver Malaysia'). Malah beliau semestinya sedar akan permohonan yang sama dibuat oleh Edible Oil. Oleh itu, beliau pada sepanjang masa menyedari akan perintah penggulungan dan ketidaksekataan yang dibangkitkan. Diperingkat yang lain pula responden telah memfailkan rayuan atas perintah penggulungan itu dan kemudiannya menarik balik rayuan namun responden dan Low Kim Fat berdiam diri dari tahun 2010 sehingga 2013. Oleh itu, tanpa apa-apa penjelasan, permohonan KM 162 telah dibuat dalam jangka masa yang terlalu lama ('inordinate delay') dan ianya tidak perlu dipertimbangkan (lihat perenggan 7).

(3) Hanya syarikat bertindak melalui pelikuidator sahaja boleh membuat permohonan untuk mengentepikan perintah penggulungan dengan

memakai bidang kuasa sedia ada mahkamah. Ini dapat dilihat daripada s 236(2) Akta. Tidak ada keterangan bahawa Low Kim Fat telah memohon kebenaran daripada pelikuidator dan/atau dari mahkamah untuk membuat permohonan KM 162 ini (lihat perenggan 8).

(4) Keperluan k 24(a) Kaedah-Kaedah 1972 adalah bagi tujuan mengiklankan petisyen bagi memberi notis pada pemiutang tentang prosiding penggulungan tersebut. Oleh itu, kegagalan mematuhi k 24 Kaedah-Kaedah 1972 lebih-lebih lagi selepas 4 tahun petisyen penggulungan dibuat hanya merupakan ketidakpatuhan yang bersifat teknikal yang boleh dipulihkan di bawah k 194(1) Kaedah-Kaedah 1972 kerana ia tidak mengakibatkan apa-apa ketidakadilan kepada responden (lihat perenggan 18).

(5) Kegagalan mematuhi k 26 Kaedah-Kaedah 1972 tidak mengakibatkan apa-apa prejudis dan ketidakadilan kepada responden, memandangkan isu ini hanya bangkit dalam permohonan ini dan responden sedia menyedari wujudnya keadaan ini. Responden tidak menunjukkan sama ada beliau telah diprejudis (lihat perenggan 15).

(6) Penggunaan Borang 5 atau 6 sebagai afidavit penyampaian bukan satu yang mandatori. Walau apapun responden telah menerima petisyen tersebut dan telah memfailkan afidavit jawapan kepada petisyen itu yang tidak pernah juga membangkitkan perkara yang sama. Adalah tidak adil dan keterlaluan jika dikatakan petisyen ini adalah terbatal akibat tidak mematuhi Borang 5 k 25(1) Kaedah-Kaedah 1972, kecuali ia mengakibatkan ketidakadilan dan prejudis terhadap responden. Jelas daripada apa yang berlaku tidak timbul ketidakadilan dan prejudis kepada responden (lihat perenggan 19).

[English summary

The respondent applied to set aside the winding up order *ex debito justitiea* on the ground that the winding up proceeding had breached the procedure prescribed by laws and rules, court paper 162 ('CP 162'). The winding up order of the respondent's company was made by the court via an order dated 4 June 2010. The respondent appealled to the Court of Appeal against the winding up order but retracted the appeal. Via an application on the content of court 72 ('CC 72') by Agensi KB Edible Oil Sdn Bhd ('Edible Oil') as a contributory/shareholder, the respondent applied under s 243 of the Company's Act 1965 ('the Act') for an order that the winding up order be stayed permanently or alternatively, that the winding up order be set aside *ex debito justiae*. The application for CC 72 was set aside by this court and the court of appeal. After three and a half years of the filing of CC 72, Low Kim Fat, the respondent director filed application for CP162 to set aside the winding up order on the same ground as CC 72 which was that the winding up order was void as it did not comply with the requirement of the provisions of the Act. In

this action, the respondent submitted that the nature of CC72 was different which was that the stay of the winding up order under s 243 of the Companies Act and the alternative relief applied under CC72 which was the setting aside of the winding up order could not be made as Edible Oil did not have the locus standi to apply for the relief and instead it was only the respondent who had locus standi. Touching on the merits of the CP162 application, the respondent raised the issues that: the petitioner failed to advertise the petition at least two times in the local newspaper as required under r 24(a) of the Companies (Winding Up) Rules 1972 ('Rules 1972'); that the affidavit to verify the petition was affirmed before the petition was submitted to the court, contrary to the requirement under r 26 of the Rules 1972; and that the affidavit of service of petition to the respondent did not comply with r 25(1) and Form 5 of the Rules 1972 as it did not state the name of the affidavit and the description of the officer of the respondent's employer who was served with the petition by the respondent.

Held, dismissing application to set aside winding up order with cost:

(1) The respondent did not take any action at that time to object against irregularity as raised in this PC162 application. Even though the parties made a different application but the matter and the ground of application was similar. Hence, the respondent and Low Kim Fat was estopped from raising the same issue. Since the respondent had kept silent for so long, this raised waive and acquiesce from raising procedural irregularity in the winding up petition (see para 6).

(2) When the winding up order was made, Low Kim Fat was the respondent's director and he had filed the company's statement of affairs to the official receiver of Malaysia. In fact, he should have been aware of the application made by Edible Oil. Hence, he was, at all material times, aware that winding up order and irregularity raised. At another stage, the respondent had also filed an appeal on the winding up order and then retracted the appeal but the respondent and Low Kim Fat had kept silent from 2010 until 2013. Hence, without any explanation, application for CP162 was made in an inordinate delay needed no consideration (see para 7).

(3) Only a company acting through a liquidator only could make an application to set aside the winding up order by applying the court's inherent jurisdiction. This can be seen from s 236(2) of the Act. There was no evidence that Low Kim Fat had applied for permission from the liquidator and/or from the court to make this CP 162 application (see para 8).

(4) The requirement of r 24(a) of the Rules 1972 was for the purpose of advertising the petition to notify the debtor about the winding up proceeding. Hence, the failure to comply with r 24 of the Rules 1972,

especially after four years the winding up petition was made was only a technical irregularity which could be cured by r 194(1) of the Rules 1972 as it did not occasion any injustice to the respondent (see para 8).

(5) The failure to comply with r 26 of the Rules 1972 did not prejudice nor cause any injustice to the respondent as this issue only arose in this application and the respondent was aware of it. The respondent did not show that he had been prejudice (see para 15).

(6) The usage of Forms 5 or 6 as the affidavit of service was not mandatory. However, the respondent had received the petition and filed an affidavit in reply to the petition which had never raised the same matter. It was unfair and excessive to say that this petition was void as it did not comply with Form 5 r 25(1) of the Rules 1972, unless if it caused injustice or prejudice to the respondent. It was clear from what had transpired did not raise any injustice or prejudice to the respondent (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk mengenepikan, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 1185–1198.

Kes-kes yang dirujuk

American International Assurance Bhd v Coordinated Services L Design Sdn Bhd [2012] 1 MLJ 369; [2012] 1 CLJ 506, MR (dirujuk)

Anni Quah Lay Nah v Syed Jefar Properties Sdn Bhd & Ors [2007] 1 MLJ 225; [2007] 1 CLJ 1, MR (dirujuk)

Delta Drive (M) Sdn Bhd v Hong Leong Finance Bhd [2008] 4 MLJ 400; [2007] 4 CLJ 435, MR (dirujuk)

Fisher Scientific (M) Sdn Bhd v Progenix Research Sdn Bhd [2012] 1 MLJ 433; [2011] 1 LNS 398, MT (dirujuk)

GKM Amal Bhd v Bank Utama (M) Bhd [2004] 2 MLJ 12; [2004] 1 CLJ 769, MR (dirujuk)

Hong Leong Finance Bhd v Delta Drive (M) Sdn Bhd [1999] 6 MLJ 239; [1999] 6 CLJ 62, MT (dirujuk)

Lai Yoke Ngan & Anor v Chin Tek Kwee & Anor [1997] 2 MLJ 565; [1997] 3 CLJ 305, MP (dirujuk)

Maril-Rionebel (M) Sdn Bhd & Anor v Perdana Merchant Bankers Bhd and other appeals [2001] 4 MLJ 187; [2001] 3 CLJ 248, MR (dirujuk)

Megah Teknik Sdn Bhd v Miracle Resources Sdn Bhd [2010] 4 MLJ 651; [2010] 6 CLJ 745, MR (dirujuk)

Petro-Pipe Industries (M) Sdn Bhd v Fieldword Engineering Sdn Bhd [2003] 1 MLJ 417; [2003] 1 CLJ 777, MT (dirujuk)

Tan Heng Chew & Ors v Tan Kim Hor & Ors [2006] 5 MLJ 313; [2009] 2 CLJ 234, MP (dirujuk)

Zaitun Marketing Sdn Bhd v Boustead Eldred Sdn Bhd (formerly known as

Bousted Trading (1985) Sdn Bhd) [2010] 2 MLJ 749; [2010] 3 CLJ 785, MP (dirujuk) A

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 ss 221(2), 236(2), 243, 249 , 355
Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 kk 24, 24(a), 25(1), 26, 32, 194, 194(1), Borang 5, 6 B

Ajeet Kaur (Jasbeer, Nur & Lee) bagi pihak pempetisyen.
AK Sharma (Venu Nair bersamanya) (AK Sharma & Co) bagi pihak responden. C

Abdul Karim PK:

[1] Responden dalam kes ini memohon supaya perintah penggulungan bertarikh 4 Jun 2010 diketepikan *ex debito justitiae* di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah atas alasan-alasan prosiding penggulungan tersebut telah melanggari prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang dan kaedah-kaedah, kertas mahkamah 162 ('KM 162'). D

[2] Syarikat responden digulung pada 4 Jun 2010 melalui satu perintah mahkamah bertarikh 4 Jun 2010 ('perintah penggulungan'). Responden telah merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap perintah penggulungan tersebut tetapi telah menarik balik rayuan tersebut. Menurut responden, penarikan balik rayuan itu atas alasan bahawa perintah penggulungan itu adalah batal dan tak sah dan responden harus memfailkan satu permohonan dibawah bidang kuasa sedia ada mahkamah untuk mengentepikan perintah penggulungan *ex debito justitiae*. Melalui permohonan kandungan mahkamah 72 ('KM 72') yang difailkan pada 23 Mei 2012, Agensi KB Edible Oil Sdn Bhd, ('Edible Oil') sebagai 'contributory/shareholder' responden memohon dibawah s 243 Akta Syarikat 1965 ('Akta') untuk satu perintah bahawa perintah penggulungan itu digantung secara kekal atau secara *alternative* perintah penggulungan itu diketepikan *ex debito justiae*. Pemohon KM 72 telah ditolak oleh mahkamah ini pada 27 Ogos 2012. Berikutan itu, Edible Oil telah merayu dan Mahkamah Rayuan pada 15 Januari 2013 telah menolak rayuan tersebut. E F G H

[3] Selepas 3 1/2 tahun pemfailan KM 72, pengarah syarikat responden, Low Kim Fat memfailkan permohonan KM 162 pada 20 Disember 2013 bagi mengentepikan perintah penggulungan atas alasan yang sama dengan permohonan KM 72 tersebut iaitu perintah penggulungan adalah tak sah kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak peruntukkan Akta. I

[4] Mahkamah ini telah meneliti permohonan dalam KM 72 serta penghakiman mahkamah yang menolak permohonan itu. Mahkamah ini

mendapati permohonan KM 162 dibuat atas alasan dan perkara yang sama dengan permohonan KM 72 ini. Dengan keputusan mahkamah ini menolak KM 72 dan Mahkamah Rayuan menolak rayuan mengenainya, maka *doctrine* res judicata dan isu estoppel adalah terpakai bagi mengecualikan Low Kim Fat daripada mengentepikan atau mempersoalkan perintah penggulungan yang dibuat oleh mahkamah ini pada 4 June 2010. Keputusan mahkamah ini dan keputusan Mahkamah Rayuan berkaitan KM 72 itu mengikat semua pihak dalam prosiding ini.

[5] Peguam responden menghujahkan bahawa sifat permohonan KM 72 adalah berlainan iaitu penggantungan perintah penggulungan dibawah s 243 Akta Syarikat dan relief alternatif yang dipohon dalam KM 72 iaitu perintah penggulungan diketepikan *ex debito justitiae* tidak boleh dibuat kerana Edible Oil tidak mempunyai locus standi untuk memohon relief tersebut, sebaliknya hanya responden sahaja ada locus standi.

[6] Dalam hal ini, mahkamah mendapati bahawa responden telah tidak mengambil apa-apa tindakan pada masa itu membantah mengenai apa-apa ketidakaturan yang dibangkitkan sebagaimana yang dibangkitkan dalam permohonan KM 162 ini. Walaupun pihak yang membuat permohonan berbeza tetapi perkara dan alasan permohonan adalah serupa. Maka responden mahupun Low Kim Fat dihalang daripada membangkitkan isu yang sama. Nampaknya responden selepas 3 1/2 tahun telah berdiam diri dan dengan ini telah 'waive or acquiesce' daripada membangkitkan perkara ketidakteraturan prosedur dalam prosiding penggulungan itu, jika ada (kes *Lai Yoke Ngan & Anor v Chin Tek Kwee & Anor* [1997] 2 MLJ 565; [1997] 3 CLJ 305 dirujuk; dan *Anni Quah Lay Nah v Syed Jefar Properties Sdn Bhd & Ors* [2007] 1 MLJ 225; [2007] 1 CLJ 1 dirujuk).

[7] Mahkamah mendapati juga bahawa permohonan responden KM 162 telah dibuat dalam masa yang terlalu lama dan telah tidak memberi sebab kenapa responden mengambil masa 3 1/2 tahun untuk mengentepikan perintah penggulungan itu. Low Kim Fat adalah pengarah responden pada masa perintah penggulungan dibuat pada 4 Jun 2010 dan beliau telah memfailkan penyata hal ehwal syarikat ('statement of affairs') pada Pegawai Penerima Malaysia ('Official Receiver Malaysia') pada 12 November 2010. Malah beliau semestinya sedar akan permohonan yang sama dibuat oleh Edible Oil. Oleh itu, beliau pada sepanjang masa menyedari akan perintah penggulungan dan ketidakteraturan yang dibangkitkan. Di satu peringkat pula responden juga telah memfailkan rayuan atas perintah penggulungan itu dan kemudiannya menarik balik rayuan namun responden dan Low Kim Fat berdiam diri dari tahun 2010–2013. Mahkamah mendapati beberapa langkah telah diambil dalam prosiding penggulungan ini termasuk tindakan untuk memperolehi baki pelupusan aset oleh responden dan memeriksa pengarah

syarikat responden dibawah s 249 Akta. Oleh itu mahkamah mendapati bahawa tanpa apa-apa penjelasan, permohonan KM 162 telah dibuat dalam jangka masa yang terlalu lama ('inordinate delay') dan ianya tidak perlu dipertimbangkan.

[8] Seperkara lain yang perlu disebut di sini, pada pendapat mahkamah ini bahawa hanya syarikat bertindak melalui pelikuidator sahaja boleh membuat permohonan untuk mengentepikan perintah penggulungan dengan memakai bidang kuasa sedia ada mahkamah. Ini dapat dilihat daripada s 236(2) Akta. Tidak ada keterangan bahawa Low Kim Fat telah memohon kebenaran daripada pelikuidator dan/atau dari mahkamah untuk membuat permohonan KM 162 ini (*Megah Teknik Sdn Bhd v Miracle Resources Sdn Bhd* [2010] 4 MLJ 651; [2010] 6 CLJ 745, *American International Assurance Bhd v Coordinated Services L Design Sdn Bhd* [2012] 1 MLJ 369; [2012] 1 CLJ 506, dan *Zaitun Marketing Sdn Bhd v Boustead Eldred Sdn Bhd (formerly known as Bousted Trading (1985) Sdn Bhd)* [2010] 2 MLJ 749; [2010] 3 CLJ 785 dirujuk). Atas alasan-alasan di atas ini sahaja, permohonan responden untuk mengentepikan perintah penggantungan tersebut sewajarnya ditolak.

[9] Menyentuh tentang merit permohonan KM 162, responden membangkitkan isu pempetisyen telah gagal mengiklankan petisyen sekurang-kurangnya dua kali dalam dua surat khabar tempatan sebagaimana yang diperlukan dibawah k 24(a) Kaedah-Kaedah Syarikat (Penggulungan) 1972 ('Kaedah-Kaedah 1972').

[10] Merujuk kepada afidavit mengiklankan petisyen yang diikrarkan oleh Anantha Rajan a/l Eanasegram bertarikh 26 Mei 2010 ('KM 21') menunjukkan petisyen hanya diiklankan sekali pada 11 Mei 2010 oleh dua surat khabar iaitu surat khabar *New Straits Times* dan *The Star*. Keperluan k 24(a) Kaedah-Kaedah 1972 adalah bagi tujuan mengiklankan petisyen bagi memberi notis pada pemiutang mengenai prosiding penggulungan tersebut. Oleh itu, kegagalan mematuhi k 24 Kaedah-Kaedah 1972 lebih-lebih lagi selepas empat tahun petisyen penggulungan dibuat hanya merupakan ketidakpatuhan yang bersifat teknikal yang boleh dipulihkan di bawah k 194(1) Kaedah-Kaedah 1972 kerana ia tidak mengakibatkan apa-apa ketidakadilan kepada responden. Tidaklah, dalam hal keadaan ini, boleh dikatakan petisyen tersebut tidak sah disebabkan ketidakpatuhan itu. Dalam kes *GKM Amal Bhd v Bank Utama (M) Bhd* [2004] 2 MLJ 12; [2004] 1 CLJ 769 Mahkamah Rayuan di ms 14 (MLJ); 772 (CLJ):

> In the present case, however, there was no direction by the court under s 221(2) of the Act to have the advertisement done earlier than the seven days, and hence the petition was advertised in breach of r 24. Nevertheless, we agreed with the views of the learned judge. There was no injustice caused by the breach. The breach was a technicality amounting to a mere irregularity, curable under r 194(1) which states:

> No proceedings under the Act or the Rules shall be invalidated by any formal defect or any irregularity, unless the court is of the opinion that substantial injustice has been caused by the defect or irregularity, and that the injustice cannot be remedied by any order of the court.

Therefore, we held that the petition was not rendered invalid by reason of the irregularity.

The whole purpose of advertisement is to give notice of a winding-up petition of a company to the creditors. As the petition in this case was advertised more than the stipulated period of seven days, and that the advertisement was already effected, the object of giving notice to the creditors had been achieved. The appellant cannot be said to be prejudiced by the advertisement. Thus, we found that the learned judge was right in his decision.

[11] Dalam kes *Petro-Pipe Industries (M) Sdn Bhd v Fieldword Engineering Sdn Bhd* [2003] 1 MLJ 417; [2003] 1 CLJ 777 Hakim Hishamuddin menyatakan di ms 429 (MLJ); 778 (CLJ):

> In the present case, although I have ruled that there has been non-compliance with r 24 on the part of the petitioner since the petition was advertised only once in each of the newspapers instead of twice, nevertheless, I think it would not be fair to dismiss the petiiton. It would be harsh and unjust to do so. I accept that the non-compliance was unintentional, caused by a mistaken view of the law and hence excusable. More over, the registrar had issue a certificate under r 32 ...

[12] Dalam kes ini, pendaftar telah mengeluarkan sijil di bawah k 32 Kaedah-Kaedah 1972 pada 27 Mei 2010.

[13] Responden membangkitkan juga isu afidavit menentusahkan petisyen telah diikrarkan sebelum petisyen diserahkan kepada mahkamah dan juga afidavit tidak difailkan dalam tempoh masa empat hari selepas petisyen diserahkan kepada mahkamah, bertentangan dengan kehendak k 26 Kaedah-Kaedah 1972. Dalam kes ini petisyen penggulungan diserahkan ke mahkamah pada 22 Disember 2009 tetapi afidavit menentusahkan petisyen yang diikrarkan oleh Bathmavathi Karuppiah pada 16 Disember 2012 iaitu enam hari sebelum penyerahan petisyen. Kaedah 26 Kaedah-Kaedah 1972 memperuntukkan bahawa afidavit menentusahkan petisyen harus diikrarkan selepas petisyen diserahkan kepada mahkamah dan afidavit harus difailkan dalam tempoh empat hari selepas petisyen diserahkan kepada mahkamah.

[14] Perkara yang dibangkitkan ini tidak pernah dibangkitkan sebelum ini oleh responden. Malah responden sendiri menyedari kewujudan afidavit menentusahkan petisyen tersebut. Ini dapat dilihat dalam afidavit menentang petisyen yang diikrarkan oleh Low Kim Boon bertarikh 14 Januari 2010 dan 4 Mac 2010. Dengan itu dalam hal keadaan ini, mahkamah ini mendapati

tidak berlaku ketidakadilan dan prejudis pada responden dan tidaklah boleh dikatakan perintah penggulungan itu satu yang tak sah dan terbatal. Ketidakpatuhan ini boleh diperbaiki dibawah peruntukan k 194 Kaedah-Kaedah 1972 dan dibawah s 221(2)(b) Akta Syarikat 1965. Dalam kes *Fisher Scientific (M) Sdn Bhd v Progenix Research Sdn Bhd* [2012] 1 MLJ 433; [2011] 1 LNS 398 hakim, menyatakan bahawa walaupun jika ada ketidakpatuhan dalam afidavit menentusahkan petisyen ia boleh diperbaiki di bawah s 355 Akta Syarikat 1965 dan k 194(1) Kaedah-Kaedah 1972, sekiranya ia tidak menyebabkan ketidakadilan atau prejudis kepada responden. Dalam kes *Maril-Rionebel (M) Sdn Bhd & Anor v Perdana Merchant Bankers Bhd and other appeals* [2001] 4 MLJ 187; [2001] 3 CLJ 248 mahkamah memutuskan:

> [b] Although the Rules require the afidavit of truth to be sworn after the petition, the court may overlook procedural irregularities in the interests of justice, more so in cases where there was no question of serious injustice to anyone.

[15] Mahkamah ini dalam kes ini mendapati bahawa kegagalan mematuhi k 26 Kaedah-Kaedah 1972 tidak mengakibatkan apa-apa prejudis dan ketidakadilan kepada responden, memandangkan isu ini hanya bangkitkan dalam permohonan ini dan responden sedia menyedari wujudnya keadaan ini. Responden tidak menunjukkan sama ada beliau telah diprejudis (kes Mahkamah Rayuan *Delta Drive (M) Sdn Bhd v Hong Leong Finance Bhd* [2008] 4 MLJ 400; [2007] 4 CLJ 435; *Hong Leong Finance Bhd v Delta Drive (M) Sdn Bhd* [1999] 6 MLJ 239; [1999] 6 CLJ 62; dan *Tan Heng Chew & Ors v Tan Kim Hor & Ors* [2006] 5 MLJ 313; [2009] 2 CLJ 234 dirujuk).

[16] Selain isu di atas, responden membangkitkan isu penyerahan petisyen ke atas responden yang tidak baik dari segi undang-undang. Responden merujuk kepada afidavit penyampaian Ananthan Rajan a/l Eanasegram diikrarkan pada 26 Mei 2010 ('KM 22'). Afidavit KM 22 ini mengesahkan penyampaian petisyen dan afidavit menentusahkan petisyen ke atas responden di alamat berdaftar pempetisyen di No 24B, Jalan Anggerik, 28400 Mentakab, Pahang Darul Makmur pada 22 Disember 2009.

[17] Responden berhujah bahawa afidavit penyampaian tersebut tidak mematuhi k 25(1) dan Borang 5 Kaedah-Kaedah 1972 kerana tidak mengatakan dalam afidavit nama dan deskripsi pegawai atau majikan responden yang telah diserahkan dengan petisyen dan dengan itu penyerahan petisyen atas responden adalah tidak baik dari segi undang-undang.

[18] Responden menghujahkan memandangkan nama dan deskripsi pegawai atau majikan responden yang telah diserahkan dengan petisyen tidak dinyatakan dalam afidavit penyampaian seperti yang dikehendaki oleh k 25(1) dan Borang 5 Kaedah-Kaedah 1972 maka afidavit penyampaian tersebut

adalah 'lacking' dan penyerahan petisyen atas responden adalah tidak baik dari segi undang-undang.

[19] Kaedah 25(1) Kaedah-Kaedah 1972 menetapkan setiap petisyen hendaklah diserahkan dialamat berdaftar syarikat responden. Dalam kes ini petisyen telah diserahkan kepada responden dialamat berdaftarnya pada 22 Disember 2009. Peguam responden hanya membangkitkan bahawa afidavit penyampaian tidak menyatakan nama dan diskripsi pegawai atau majikan responden yang telah diserahkan dengan petisyen itu seperti mana kehendak dalam format Borang 5 Kaedah 25(1) Kaedah-Kaedah 1972. Kaedah 25(1) Kaedah-Kaedah 1972 hanya menyatakan, ... The affidavit of service of petition may be in Form 5 or 6. Jelas bahawa penggunaan Borang 5 atau 6 sebagai afidavit penyampaian bukan satu yang mandatori. Walau apapun responden telah menerima petisyen tersebut dan telah memfailkan afidavit jawapan kepada petisyen itu bertarikh 14 Januari 2010 dan 4 Mac 2010 yang tidak pernah juga membangkitkan perkara yang sama. Adalah tidak adil dan keterlaluan jika dikatakan petisyen ini adalah terbatal akibat tidak mematuhi Borang 5 Kaedah 25(1) Kaedah-Kaedah 1972, kecuali ia mengakibatkan ketidakadilan dan prejudis terhadap responden. Jelas dari apa yang berlaku tidak timbul ketidakadilan dan prejudis kepada responden.

[20] Dengan alasan-alasan di atas mahkamah menolak permohonan KM 162 responden untuk mengentepikan perintah penggulungan bertarikh 4 Jun 2010 dengan kos RM3,000.

Permohonan pengentepian perintah penggulungan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Mohamad